

# Selangor Kini



**PERCUMA** 31 Januari - 7 Februari 2014, 29 Rabiulawal - 7 Rabiulakhir 1435



Kolam Air Panas Kerling dinaik taraf

muka 14

Penstrukturkan industri air merungkai kekeliruan ramai

muka 4&5

Pusat Dialisis Rakyat bantu rakyat kurang mampu

muka 15



## MUHIBAH...

Sempena Tahun Baru Cina, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, memberi buah limau kepada kanak-kanak dan pengunjung Restoran Bt Dim Sum, Jalan Batu Nilam 5, Bukit Tinggi, Klang

Sekalipun Anwar menang PRK Kajang

# Khalid kekal MB Selangor

**SHAH ALAM** - Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, kekal sebagai Menteri Besar Selangor di sebalik spekulasi kemenangan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang.

Semasa ditemu bual media, beliau percaya kepimpinannya masih diyakini parti gabungan Pakatan Rakyat, apatah lagi tiada perbincangan mengenai hal itu.

"Kita tidak bincangkan perkara itu. Kita tidak mahu perubahan Menteri Besar buat masa ini. Kita mahu hadapi pilihan raya dahulu," katanya, menambah hal berkenaan hanya dibincang jika peralihan kuasa benar-benar perlu.

Anwar melihat melangkaui jawatan MB. Di hujung cerita, matlamat ialah peringkat Persekutuan, dengan menjadikan Selangor sebagai batu loncatan. Kombinasi pengalaman korporat dan pengalaman mentadbir kerajaan akan memberikan 'head-start' untuk mencabar Putrajaya

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

Spekulasi itu wujud berikutnya Anwar memutuskan untuk bertanding PRK Kajang yang kosong berikutan peletakan jawatan penyandang, Lee Chin Cheh pada 27 Januari lalu.

Bagaimanapun, ramai mahu Abdul Khalid kekal sebagai Menteri Besar berikutan Anwar dianggap lebih sesuai menyandang jawatan lebih tinggi.

Pada PRU-13, Chin Cheh mendapat 19,571 undi berbanding calon BN Lee Ban Seng, 12,747 undi.

Malah, Abdul Khalid berkata, proses lantikan Menteri Besar bukan mudah kerana perlu mendapat persetujuan semua parti gabungan, selain restu istana Selangor.

"Anwar melihat melangkaui jawatan MB. Di hujung cerita, matlamat ialah peringkat Persekutuan, dengan menjadikan Selangor sebagai batu loncatan.

"Kombinasi pengalaman korporat dan pengalaman mentadbir kerajaan akan memberikan 'head-start' untuk mencabar Putrajaya," katanya.

Pada temu bual berasingan dengan Malaysia Kini, Abdul Khalid menegaskan, tidak akan berhenti kecuali dengan kemahuannya sendiri atau tunduk kepada tekanan sesiapa pun.

"Jika saya berhenti, ia keputusan saya sendiri. Itu sahaja," katanya

Abdul Khalid juga menyifatkan tekanan dan desakan pihak

tertentu sebagai asam garam dunia dan perjuangan politik.

"Tekanan perkara kecil saya fikirkan. Orang tanya bagaimana saya tidak gila dengan semua tekanan ini? Saya jawab 'turun naik' sebahagian hidup," katanya.

Bagaimanapun, beliau mungkin memberi laluan dan mengundur diri jika diminta Anwar.

"Saya akan (berhenti) jika perlu. Tapi jika saya tak rasa perlu (berhenti), dua perkara akan berlaku. Jika saya tak boleh nak ubah saya berhenti. Jika saya boleh, saya akan teruskan (kerja politik)," katanya.

**LIHAT TEMUBUAL PUENUH  
DI MUKA 6**

Kita beri sokongan yang penuh kepada DSAI dan kita akan kerja dengan erat supaya kita boleh capai kemenangan yang cemerlang.

**Lim Kit Siang, Ketua Ahli Parlimen DAP**

Calon dan kerusi yang akan dipertandingkan PR, kami akan sokong sepenuhnya dan insya-Allah kejayaan akan berpihak kepada PR.

**Salahuddin Ayub, Naib Presiden PAS:**

DAP Selangor akan beri segala bantuan dan sokongan kepada PKR bagi memastikan kemenangannya dalam PRK itu.

**Tony Pua, Pengurus DAP Selangor**

Jika Lee Chin Cheh sudah tidak mahu berkhidmat atau merasakan ada pemimpin yang lebih baik daripada beliau, letaklah jawatan.

Yang menjadi masalah kepada saya adalah sekiranya beliau melompat parti.

**Profesor Mohammad Agus Yusoff,  
Pensyarah Kanan Pusat Pengajian  
Sejarah, Politik dan Strategi UKM**

# Pulihkan fokus sebenar Pakatan Rakyat - MB

**PETALING JAYA** - Pakatan Rakyat (PR) yakin kemenangan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memantapkan prestasi cemerlang pentadbiran Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Selangor.

Abdul Khalid optimis penyertaan Anwar dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) membantu kejayaan PR di negeri ini dan di peringkat nasional.

"Saya percaya sokongan rakyat menentukan kejayaan PKR dan Pakatan, bukan sahaja di Selangor, malah di Malaysia," katanya

selepas membuat pengumuman Anwar sebagai calon.

Anwar pula berkata, kemenangan itu kelak mengatur semula fokus Pakatan di Selangor sebagai landasan penting mengambil alih Putrajaya.

Beliau mengakui Selangor di bawah kepimpinan Abdul Khalid menunjukkan prestasi yang wajar dicontohi negeri-negeri lain.

"Keputusan kita bersama untuk memastikan pimpinan Pakatan seluruhnya bergerak menjadikan Selangor sebagai asas kuat," katanya.

**Selangor di bawah kepimpinan Abdul Khalid menunjukkan prestasi yang wajar dicontohi negeri-negeri lain.**

**ANWAR IBRAHIM**  
Ketua Umum PKR

**SEPAKAT...** Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diumumkan sebagai calon kerusi DUN Kajang, oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sewaktu sidang media tergempak di Ibu Pejabat PKR, baru-baru ini. Hadir sama Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang dan Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub



# Jadi landasan ke Putrajaya

**KUALA LUMPUR** - Selangor perlu dijelmakan sebagai landasan bagi menawan Putrajaya, kata Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli.

"Istanbul jadi 'launchpad' kepada Erdogan. Jakarta kepada Jokowi, Selangor juga mampu jadi 'launchpad' kepada Pakatan.

"Langkah ini akan menjadi titik tolak untuk melangkah

ke Putrajaya," katanya yang menganggap saat sukar yang digelarnya Kajang Move itu, akan dikenang apabila Putrajaya ditawan kelak.

Melalui blog, beliau memberi penjelasan mengenai keputusan Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding PRK Kajang dalam artikel bertajuk 'The Kajang Move: Game Changer in Putrajaya Quest'.

Kata Rafizi, pendekatan lebih radikal perlu untuk menyelesaikan beberapa isu, selain meneruskan pentadbiran telus dan berintegriti amalan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau turut menyatakan penghargaan kepada pimpinan rakan komponen DAP dan PAS yang begitu memahami percaturan itu.



**Istanbul jadi 'launchpad' kepada Erdogan. Jakarta kepada Jokowi, Selangor juga mampu jadi 'launchpad' kepada Pakatan.**

**RAFIKI RAMLI**  
Pengarah Strategi PKR

## BN tandus calon wibawa



la mengulangi dilema ketandusan calon BN pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lepas. Mereka tidak buka ruang golongan muda sebagai pelapis. Lihat PRU-13, calon BN rata-rata muka lama, ada yang berulang kali bertanding.

**Haniza Talha**  
Adun Taman Medan (PKR)

BN tidak mendapat tempat di bandar, khususnya Selangor.

Ramai calon BN yang dulunya bertanding di bandar, lari ke kampung kerana sedar sambutan rakyat terhadap BN hambar.

**Rajiv Rishyakaran**  
Adun Bukit Gasing (DAP)



Saya cadangkan Datuk Seri Najib Razak sebagai calon BN jika pencarian calon menemui jalan buntu. Apa salahnya cuba nasib di Kajang. Ia mungkin lucu, tetapi tidak mustahil. Mungkin peluang sama boleh dipertimbang kepada (Datuk Seri) Noh Omar, boleh ukur sama ada beliau masih ada pengaruh di Selangor.

**Khairuddin Othman**  
Adun Paya Jaras (PAS)



## Mat Sabu: PAS tak akan boikot kempen di Kajang

**TIMBALAN** Presiden PAS, Mohamad Sabu berkata parti itu tidak akan memboikot kempen Pakatan Rakyat dalam pilihan raya kecil (PRK) DUN Kajang.

Bercakap dalam satu sidang akhbar bersama dengan Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mat Sabu berkata PAS tidak akan memboikot PRK tersebut dan akan menyokong PKR.

"Boleh ambil pandangan peribadi tapi keputusan parti yang diambil kira,"

katanya, mengulas laporan bahawa akar umbi parti islamik itu tidak berpuas hati dengan tindakan PKR mengosongkan kerusi DUN Kajang.

Sementara itu, Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali juga mengingatkan pemimpin dan ahli PAS supaya tidak membuat sebarang kenyataan bersifat spekulatif berhubung isu kekosongan kerusi di Kajang dan kedudukan menteri besar Selangor.

### PENDAPAT AWAM



SEBAGAI seorang pemimpin politik berpengalaman luas, Datuk Seri Anwar Ibrahim mesti ada strategi tertentu untukkekalkan penguasaan PKR di DUN Kajang. Ini pasti satu perkembangan positif bagi politik Selangor bila mendapat sentuhan kepimpinan seorang tokoh dan bekas pemimpin kanan negara yang sudah diiktiraf di pentas antarabangsa.

**Danny Chong, 68**  
Pesara Shah Alam



SEBAGAI generasi muda, saya melihat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang pemimpin berwibawa yang mampu membawa perubahan besar kepada Selangor.

Ia juga akan mengukuhkan lagi kedudukan Pakatan apabila beliau memenangi DUN itu, sekaligus dapat menabur jasa secara langsung.

**Adam Muri, 21**  
Pekerja restoran, Meru



BIARPUN dilanda kontroversi, tetapi saya yakin PKR tidak menghadapi masalah untuk kekal di DUN Kajang melalui Datuk Seri Anwar Ibrahim. Rakyat kini selesa di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat (PR).

Anwar sudah buktikan kebolehan sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri dan Ahli Parlimen Permatang Pauh. DUN Kajang tentunya bukan masalah bagi Anwar untuk menang di sana.

**Baharuddin Mat Dom, 52**  
Ahli Perniagaan, Shah Alam, Selangor.

# Penstrukturkan industri air: Merungkai kekeliruan ramai

**I**su air kembali hangat di Selangor apabila Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim baru-baru ini dikatakan melakukan u-turn dengan bersetuju untuk memberi kebenaran kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pembinaan Loji Air Langat 2.

Bekas Exco dan juga Adun Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar mempersoalkan tindakan kerajaan Selangor yang dikatakan mengelirukan rakyat Selangor apabila secara tiba-tiba tunduk kepada desakan Kerajaan Persekutuan untuk akur kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Water Services Industry Act 2006).

Akta itu membenarkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih aset industri air di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengstruktur semula industri air di Malaysia. Pertama, untuk membincangkan isu industri air di Selangor, elok kita ketepikan politik dalam parti tertentu, pertembungan peribadi antara ahli politik dan hal tidak berkaitan.



## STRUKTUR AIR DI SELANGOR

INDUSTRI air di Selangor agak kompleks kerana ia melibatkan pemegang aset air, konsesi konsesi air melibatkan syarikat swasta dan juga kerajaan perseku-

Mari kita lihat lebih mendalam pemegang konsesi air dan pemilik atau pemegang saham syarikat konsesi air:

A) Konsesi yang merawat air mentah dan menguruskan loji rawatan air:

### Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB)

Pemegang 2 konsesi yang bertanggungjawab mengurus 29 loji rawatan air di Selangor dan Kuala Lumpur dengan kapasiti pengeluaran 1,909 juta liter air setiap hari.



Ia dimiliki oleh Puncak Niaga Holdings Berhad (syarikat tersenarai di Bursa Saham) yang pemiliknya ialah Tan Sri Rozali Ismail [melalui syarikat persendirian Central Plus Sdn Bhd dan Corporate Line Sdn Bhd] (41.25%), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (6.19%) dan Lembaga Tabung Haji (5.74%).

### Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH)



Syarikat itu diberi konsesi 30 tahun oleh kerajaan Selangor pada Januari 2009 untuk membina, mengurus dan menyelenggara Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 1 dan Fasa 3.

Ia dimiliki oleh Gamuda Bhd (40%), The Sweet Water Alliance Sdn Bhd [syarikat milik Tan Sri Wan Azmi Hamzah] (30%) dan Kumpulan Perangsang Selangor Bhd [61% milik kerajaan Selangor melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad] (30%)

### Konsortium ABASS Sdn Bhd



Konsortium itu dianugerah konsesi 30 tahun oleh kerajaan Selangor pada 2001 untuk mengurus dan menyelenggara Skim Bekalan Air Sungai Semenyih

Ia 100 peratus dimiliki oleh Titisan Modal Sdn Bhd [55% milik Kumpulan Perangsang Selangor Bhd yang juga milik kerajaan negeri Selangor melalui KDEB].

## B) Pengedar air terawat:

### Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)

- Pengedar/pengagih air terawat tunggal bagi seluruh kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- Mengurus dan menyelenggara pam air, takungan air dan stesen pam.
- SYABAS dianugerah 30 tahun konsesi mengedar air oleh kerajaan perseku-
- Dimiliki oleh Tan Sri Rozali yang juga pengurus eksekutif sebanyak 70% melalui Puncak Niaga Sdn Bhd, dan kerajaan negeri Selangor memiliki 30% SYABAS melalui KDEB (15%) dan Kumpulan Perangsang (15%). Kerajaan perseku-
- Kerajaan Selangor, demi melindungi kepentingan rakyat



## CADANGAN AMBIL ALIH KONSESI AIR OLEH KERAJAAN SELANGOR

SEJAK 2009 kerajaan Selangor membuat bidaan rasmi untuk mengambil alih seluruh aset dan ekuiti pemegang konsesi. Tujuan pengambilalihan ialah:

- Menggabungkan industri air di bawah kerajaan Selangor melalui KDEB bagi melindungi kepentingan rakyat negeri ini dari beban kenaikan tarif yang tinggi.
- Menyusun semula industri air bagi mewujudkan perkhidmatan air yang holistik.
- Memastikan kecekapan pengurusan rawatan dan pembekalan air seperti menurunkan kadar non-revenue water (NRW) atau air yang hilang melalui ketidakcepatan pengedar air (SYABAS) akibat keborongan paip.

Semua tawaran kerajaan Se-

menghalang kenaikan tarif air yang sepatutnya dinaikkan oleh SYABAS sebanyak 37 peratus pada 2009 dan 25 peratus pada 2012.

Kerajaan negeri berpendapat SYABAS gagal mengoptimum bekalan air kepada pengguna air berikutnya 34 loji rawatan air mempunyai kapasiti merawat 4,807 juta liter air sehari tetapi SYABAS hanya berupaya mengendar 4,411 juta liter air sehari.

Pada masa sama, SYABAS memberi alasan pembekuan Capital Expenditure (CAPEX) atau perbelanjaan modal untuk menyelenggara pam lama dan sebagainya sebagai halangan untuk mengedar air secara optimum.

Sejak 2009 sehingga hujung 2013, kerajaan Selangor membuat lima kali tawaran untuk mengambil alih aset dan ekuiti konsesi air Selangor.

Berikut ialah cadangan pengambilalihan aset dan ekuiti konsesi air di Selangor dan maklum balas terhadap tawaran oleh pemegang konsesi air:

Semua tawaran kerajaan Selangor kepada empat pemegang konsesi air dibuat berdasarkan beberapa perkara iaitu:

- Jumlah pelaburan yang dibuat pemegang konsesi air.
- Tempoh pelaburan pemegang konsesi sejak penswastaan air di Selangor.
- Jumlah hutang yang ditanggung (bon dan pinjaman bank) pemegang konsesi air.

Tawaran Pengambilalihan	Jumlah Tawaran	Status & Maklumbalas konsesi
Feb 2009	RM5.709 bilion	Ditolak oleh semua pemegang konsesi
Jun 2009	RM9.218 bilion	Konsortium ABASS dan SPLASH menerima tawaran Syabas dan Puncak Niaga menolak tawaran
Jan 2010	RM9.227 bilion	Ditolak oleh semua pemegang konsesi
Jan 2011	RM9 bilion	Ditolak oleh semua pemegang konsesi
Feb 2013	RM9.65 bilion	Ditolak oleh semua pemegang konsesi

- Tawaran yang dibuat entiti kerajaan persekutuan iaitu Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

- Pulangan ke atas pelaburan (Return on Investment) sebanyak 12 peratus.

Walaupun tawaran ke atas pemegang konsesi dianggap berpatutan tetapi ia tetap ditolak atas alasan harga yang tidak berpatutan. Pemegang konsesi mahukan ROI sebanyak 15 peratus, bukan 12 peratus, penilaian ke atas aset yang dikatakan kurang daripada nilai sebenar (undervalued) dan sebagainya.

Kita maklum syarikat swasta berperanan menjana keuntungan maksimum dan kepentingan rakyat selaku pengguna air bukan objektif utama oleh semua pemegang konsesi.

## AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (2006)

PADA 2005, Parlimen meluluskan pindaan perlembagaan bagi Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak).

Pindaan diwarta pada 10 Februari 2005 dan dikuat kuasa mulai 21 Mac 2005. Ini bermakna air yang sebelum 2005 dalam bidang kuasa negeri, dipindahkan kepada senarai bidang bersama yang bermaksud selepas

pindaan perlembagaan itu, hal berkaitan air berada dalam tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Dengan pindaan itu, kerajaan persekutuan akan mengawal selia industri perkhidmatan air dari segi pelesenan dan kawal selia operator perkhidmatan. Kerajaan Negeri pula mengekalkan kuasa terhadap sumber air, kawasan tадahan air dan embangan sungai.

Pada pertengahan 2006, Parlimen meluluskan dua undang-undang yang mengubah cara Malaysia menguruskan perkhidmatan air iaitu Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu Akta 654 atau Akta SPAN dan Akta Industri Perkhidmatan Air iaitu Akta 655. Akta 654 (WSIA) menggariskan peranan, fungsi dan bidang tugas SPAN manakala Akta 655 memperuntukkan kawal selia meliputi ekonomi, teknikal dan sosial serta perlindungan hak pengguna.

Seksyen 114 akta itu memberi kuasa kepada kerajaan persekutuan untuk mengambil alih aset konsesi-konsesi air Selangor.

Setelah lima tawaran kepada syarikat konsesi ditolak, kerajaan Selangor tidak dapat mengambil alih konsesi sebelum 31 Disember 2013, tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Maka, kerajaan persekutuan hampir pasti akan mengambil alih aset konsesi air di Selangor

iaitu:

## LOJI RAWATAN PROJEK LANGAT 2

IA merupakan projek membina Loji Rawatan Air Langat 2 yang juga sebahagian daripada Projek Pemindahan Air Mentah Pahang-Selangor untuk merawat 1.89 bilion liter air mentah sebelum disalur ke Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga 2025.

Projek itu yang dicadang Kerajaan Persekutuan seawal tahun 2007 bertujuan menampung permintaan bekalan air terawat dari Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya yang meningkat sepanjang tahun.

Langat 2 yang sepatutnya mula dibina pada 2012 tertangguh kerana kerajaan Selangor tidak membenarkan Langat 2 dibina selagi pengstrukturkan industri air tidak diselesaikan.

Kerisauan kerajaan Selangor jelas untuk melindungi kepentingan rakyat Selangor dari beban kenaikan tarif air jika Langat 2 diteruskan.

Pada awal bulan ini, rakyat dikejutkan dengan berita Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim bersetuju supaya Langat 2 diteruskan walaupun beliau sebelum ini, menafikan projek itu satu keperluan dengan alasan air mentah di Selangor mencukupi untuk menampung permintaan pengguna.

Secara jelas, MB menerangkan bahawa Langat 2 boleh



diteruskan hanya selepas pengstrukturkan industri air di Selangor selesai. Status terkini Langat 2 juga masih berada dalam proses rundingan dan belum dimuktamad dan bersyarat.

Syarat yang dikenakan oleh kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan untuk persetujuan meneruskan projek Langat 2 ialah:

- Aset loji Langat 2 mesti diserap ke dalam program pengstrukturkan air Selangor.
- Kerajaan negeri akan terlibat dalam semua urusan tender Langat 2.
- Kerajaan negeri berhak mendapatkan harga terbaik bagi sebarang struktur binaan Langat 2.
- Harga/tarif air akan ditetapkan oleh kerajaan Selangor.
- Operasi seluruh industri air akan disatu dan diuruskan oleh sebuah Special Purpose Vehicle (SPV) yang akan ditubuh oleh kerajaan negeri.

- Pelantikan dua pentadbir yang dicadangkan oleh kerajaan negeri untuk mentadbir industri air Selangor.

Kerajaan Selangor juga

memberi jaminan, program air percuma melalui skim Meraikatkan Ekonomi Selangor (MES) akan kekal walaupun Langat 2 dibina.

Untuk menunjukkan betapa seriusnya kerajaan Selangor menyelesaikan program pengstrukturkan industri air, kerajaan negeri membatal lesen air mentah yang sebelum ini diberi kepada Puncak Niaga Holdings Berhad dan lesen air mentah diserahkan kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang juga syarikat milik penuh kerajaan negeri Selangor.

Malah, Kerajaan Selangor juga akan memulakan projek 'Hybrid Off River Augmentation System' (HORAS) yang akan membekalkan air terawat antara 600 juta hingga 700 juta liter sehari kepada pengguna air sementara menunggu kerajaan persekutuan mengeluarkan Seksyen 114 WSIA.

Projek HORAS akan mengurangkan kebergantungan Selangor kepada Langat 2 untuk mendapatkan bekalan air terawat.

## RUMUSAN

TIDAK adil menuduh MB Selangor u-turn ataupun tunduk kepada tekanan Kerajaan Persekutuan kerana kerajaan Selangor sudah menawarkan RM9.65 bilion kepada empat konsesi air dan tawaran itu ditolak dengan alasan penilaian aset air yang tidak memuaskan sedangkan kerajaan Selangor mengambil kira pelbagai faktor seperti pulangan ke atas pelaburan (ROI), liabiliti konsesi dan sebagainya.

MB Selangor juga tegas untuk tidak tunduk kepada Kerajaan Persekutuan dalam urusan mengstruktur semula industri air di Selangor. Kebijakan rakyat tetap dijaga melalui penetapan tarif air yang akan ditentukan oleh kerajaan negeri dan program air percuma tetap diteruskan walaupun Kerajaan Persekutuan mengambil alih aset menggunakan Seksyen 114 WSIA.



Temu bual bersama Menteri Besar

# Kemenangan Anwar, kelebihan untuk Selangor

## Bagaimana kemenangan Anwar Ibrahim akan mengubah politik di Selangor?

Anwar sudah begitu lama dalam arena politik. Sekarang adalah masanya untuk menilai keupayaan beliau, sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), dan pilihan raya negeri Sarawak nanti.

Sekiranya kita boleh menunjukkan sokongan yang berterusan dan meningkat, maka PRU-14 nanti, kita mempunyai peluang yang cerah untuk menang.

Dalam pilihan raya lepas, kita (PR) meraih lebih banyak undi perseorangan lebih daripada gabungan parti-parti BN. Malangnya dek kerana peruntukan kerusi, BN menang lebih banyak kerusi daripada Pakatan.

Melalui langkah-langkah yang kita ambil ini, bukan sahaja kita boleh menang lebih banyak undi rakyat, tetapi juga menambah jumlah kerusi untuk membolehkan kita memenangi kerusi Parlimen secukupnya bagi membentuk kerajaan Malaysia.

## Bagaimana Anwar akan menyumbang kepada perkembangan Selangor?

Anwar menjadi Menteri Kewangan lebih daripada 8 hingga 9 tahun. Justeru, beliau mempunyai kefahaman yang luas mengenai langkah-langkah belanjawan dan keadaan kewangan di Malaysia.

Dengan menguji pengalaman beliau berserta komitmen kewangan yang ingin dilaksanakan, kita akan dapat tahu sama ada kita berada di landasan yang betul atau tidak. Pengetahuan itu, berserta dengan pilihan-pilihan hala tuju dan kesan daripada perlaksanaannya adalah sesuatu yang amat berharga.

## Bagaimana itu boleh berlaku?

Pertama sekali Anwar perlu berjuang untuk rakyat Selangor.



Dia perlu tunjukkan dia layak untuk disokong, kerana rakyat akan sentiasa perhati dan persoalkan. Kesungguhan yang Anwar berikan, ialah kelebihan untuk rakyat Selangor.

## Bagaimana dengan spekulasi Anwar mahu jawatan Menteri Besar?

Spekulasi itu perlu diuji terlebih dahulu. Sebenarnya Anwar melihat melangkaui jawatan MB. Di penghujung cerita, matlamat ialah peringkat Persekutuan, dengan menjadikan Selangor sebagai batu loncatan. Kombinasi pengalaman korporat dan pengalaman mentadbir kerajaan akan memberikan 'head-start' kepada kita untuk mencabar Putrajaya.

## Adakah parti tidak lagi menyakini saudara?

Sekiranya saya hilang keyakinan parti, tidak mungkin saya jadi Menteri Besar sekarang ini. Bagaimanapun saya akui bahawa politik lebih meruap berbanding kehidupan korporat.

Saya mempunyai agenda re-

formasi, dan sekiranya saya tidak dibenarkan untuk merealisasikan agenda reformasi itu, maka pada masa itu lebih baik saya berhenti sahaja. Buat masa ini, agenda reformasi ini sedang diteruskan dan terlaksana meskipun di bawah situasi politik yang meruap-ruap.

## Bagaimana saudara melihat kerajaan Selangor menghadapi cabaran masa hadapan?

Kita membina rizab negeri sepanjang empat tahun yang lepas. Sekarang kita bukan sahaja boleh bercakap mengenai idea, tetapi juga mempunyai wang untuk menterjemah idea itu kepada bentuk fizikal.

Selepas itu pada masa akan datang kita boleh katakan baha-wa kamu dalam lima tahun dan-lapan tahun kebelakangan ini bukan sahaja kamu telah menjadikan Selangor sangat kukuh, tetapi juga menjadikan Selangor tempat yang 'happening'.

Rizab ini adalah perlu kerana Kerajaan Persekutuan tidak akan meminjamkan dana yang

“

**Saya tidak merancang untuk meletak jawatan, tetapi apa sahaja yang hadir selepas pilihan raya ini nanti, kita akan bincangkan di peringkat Pakatan**

kita perlukan. Takkan kita mahu berharap dan bercakap sahaja? Bagi saya, politik harus lebih daripada sekadar retorik, kerana retorik tidak boleh mengenyangkan perut. Pertama, dapatkan dahulu duit yang perlu, kemudian barulah fikir nak makan apa.

## Saudara mempunyai rangangan untuk turun dari jawatan MB?

Kita tidak membincangkan perkara itu, dan kita tidak mahu perubahan Menteri Besar buat

masa ini. Kita mahu hadapi pilihan raya dahulu.

Saya tidak merancang untuk meletak jawatan, tetapi apa sahaja yang hadir selepas pilihan raya ini nanti, kita akan bincangkan di peringkat Pakatan.

## Adakah saudara mempunyai sokongan daripada PAS dan DAP? Bagaimana pula dengan sokongan daripada PKR?

Ya, saya mempunyai sokongan buat masa ini. Parti (PKR) pula terpaksa pasrah lah (ketawa).

## Adakah saudara disingkirkan kerana tidak mahu mengurniakan kontrak kepada ahli-ahli parti?

Bagi saya, parti dan rakyat perlu percaya kepada prinsip urus tadbir yang baik. Kita terus mendapat sokongan pada pilihan raya Mei lepas, bahkan sokongan rakyat bertambah kerana kita mengamalkan ketulusan, kebertanggungjawaban dan mampu melaksanakan tugas.

Kita tidak boleh dan tidak mahu mengubah perkara itu. Dalam politik, kita harus sentiasa buka mata orang.

## Bagaimana dengan spekulasi ada pihak tertentu tidak gembira kerana tidak dapat kontrak?

(mencelah)... spekulasi, kata saya dah letak jawatan dua kali (ketawa)! Kita kini di peringkat reformasi... tak semua orang akan gembira dengan proses itu.

## Adakah saudara akan menjadi MB untuk penggal ketiga?

Tidak. Saya sudah mempersiapkan kerajaan ini untuk pengganti saya. Saya tidak bimbang. Saya merasa dirahmati dan gembira kerana diberi peluang untuk mengibarkan bendera rakyat. Walau apa yang berlaku pada saya, bendera itu harus terus berkibar.



Abdul Khalid bertemu orang ramai yang berkunjung ke Pasaraya Giant

# MB minta penjelasan Sin Chew Daily

OLEH AFEEQA AFEERA

**KLANG** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sudah mengarahkan peguamnya untuk mengadakan pertemuan bersama akhbar berbahasa Cina, Sin Chew Daily bagi mendapatkan penjelasan berhubung dakwaan beliau meletak jawatan yang dilapor akhbar itu baru-baru ini.

Kata Abdul Khalid, pertemuan yang akan berlangsung selepas sambutan Tahun Baru Cina itu adalah untuk menyelesaikan salah faham yang timbul berkenaan berita itu kerana ia mengelirukan rakyat.

Katanya, isu perletakan jawatan tidak timbul kerana beliau berada di Pulau Carey, Selangor bersama ahli Exco dan pegawai kanan negeri untuk sesi percambahan minda semasa berita itu ditimbulkan.

"Spekulasi ini tidak baik dan kita minta penjelasan daripada Sin Chew bagaimana cerita itu boleh timbul kerana ia akan menyusahkan dan mengelirukan rakyat.

"Kita akan jumpa mereka supaya bila ada jawapan kita akan selidik," kata Abdul Khalid selepas menghadiri program Jom Shopping peringkat DUN Pelabuhan Klang di Giant Bukit Tinggi, baru-baru.

## Meraikan ulang tahun warga emas

**SHAH ALAM** - Cadangan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) memperkenalkan insentif tambahan meraikan ulang tahun kelahiran ahli di bawahnya dilihat satu lagi usaha penambahbaikan dalam menghargai warga emas di Selangor.

Ketua Pegawai Operasi Rantai Mesra Sdn Bhd (RMSB), Kamsani Nasir, berkata insentif tersebut masih di peringkat cadangan, di mana menerusinya setiap ahli layak menerima RM100 setiap tahun selama lima tahun.

Menurutnya, ia merupakan satu lagi nilai tambah yang membuka ruang kepada warga emas untuk menikmati hasil negeri semasa masih hidup.

"Kita mempunyai beberapa cadangan kaedah pemberian insentif. Kita akan lihat kaedah yang mana paling efektif dan rasional untuk dilaksanakan."

"Bagaimana pun, ia hanya akan dilaksana setelah dipersetujui dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)," jelasnya ketika dihubungi Selangor Kini.

Beliau berkata demikian selepas menerima respon daripada orang awam mengenai perkara itu.

### CADANGAN KAEDAH PEMBERIAN INSENTIF

- 1 PEMBERIAN BAUCER**  
Disampaikan dalam satu majlis khas disetiap DUN.
- 2 AKAUN BANK**  
Orang Islam : Tabung Haji  
Bukan Islam : Amanah Saham Nasional (ASN)
- 3 PEMBERIAN TUNAI**  
Disampaikan dalam satu majlis khas disetiap DUN.

Untuk keterangan lanjut boleh berurusan atau menghubungi RMSB di talian :

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472  
Faks: 03-55103455  
email: mesrausiaemas@gmail.com  
Laman Web SMUE:  
<http://www.e-mesra.org.my>  
Facebook SMUE:  
<http://www.fb.com/mesrausiaemas>

# Kerusi MB: Dalam leka spekulasi, imaginasi mengisi

**S**pekulasi bercambah-cambah sebab sahaja Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim diumum bertanding Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang.

Paling kuat kedengaran, kononnya, Tan Sri Khalid Ibrahim bakal kehilangan jawatan Menteri Besar dan Anwar bakal 'turun' dan menduduki kerusi itu.

Seolah-olah, Abdul Khalid selama ini tiada punya jasa langsung terhadap Selangor; seolah-olah pentadbiran negeri gagal seluruhnya. Seolah-olah, rakyat menderita di negeri paling maju di Malaysia ini.

Langsung terlupa akan kemewangan dua pertiga Pakatan Rakyat pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, rizab simpanan RM3 bilion, 17 skim Merakyat Ekonomi Selangor (MES) yang tenggelam dalam sorak-sorai spekulasi itu.

Ini berlaku kerana ramai pengamat politik jump to conclusion (membuat kesimpulan awal) sedangkan tarikh penamaan calon pun belum diputuskan.

Isu tumpuan sepatutnya mengenai DUN Kajang, bukannya soal siapa jadi MB. Malah, menamakan seseorang sebagai MB, umpana membelakangkan DYMM Sultan Selangor yang punya kuasa tersendiri.



**Selangorkini**  
**EDITORIAL**

Malah, ramai gagal melihat gambaran menyeluruh, sebaliknya meneropong isu mengikut jalur halimunan. Lantas, segala keburukan terpapar kerana itulah imaginasi yang terbayang-bayang sebelum mata membidi arah.

Maka, keburukan terbentang seantero media sosial, ditambahkan pula rencah fitnah media Umno-BN. Lalu, cakap-cakap tentang wang rakyat dibazir, demokrasi dimanipulasi, dipalu tanpa rentak, tapi seenak tekak masing-masing.

Sedangkan, formula itulah sebenarnya bakal melenyapkan persaingan mahupun politiking. Seterusnya, memacu Selangor ke lebuh raya Putrajaya. Kerana Anwar bukan sekadar duduk selaku Adun, malah sosok - bukan lagi kelibatnya, juga akan ada dalam PKR Selangor.

Bayangkan, big bos ada sebagai ahli pasukan dua kem yang dilihat bertelagah. Maka, segala urusan lebih mudah beres, baik simpang siur politik kepartian mahupun melonjakkan lagi kemajuan negeri.

Jadi, apa perlunya Anwar - bekas Timbalan Perdana Menteri merendahkan darjah menjadi MB?

**Ketua Pengarang**

**Selangor Kini**

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizah Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim  
**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa, Norhayati Umor: chayunkatt@gmail.com Siraj Mohd Zaini, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB,

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Album

8 | Selangorkini 31 Januari - 7 Februari 2014



▲ Kanak-kanak ini menerima cenderahati daripada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sempena sambutan Pesta Ponggal Tamilar Thirunal, Peringkat Negeri Selangor yang dipekarangan Padang Chetty, Klang



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, turut serta meraikan Pesta Ponggal di Kuil Sri Sithivinayagar, bersama masyarakat India di DUN beliau



► Adun Chempaka, Iskandar Samad, melawat pameran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada Majlis Sambutan 10 Tahun Taman Bangi 3, anjuran persatuan penduduk taman itu



▲ Sempena Tahun Baru Cina, Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz menyerahkan baucar kepada 400 peserta program Jom Shopping. Majlis diadakan di Dewan Mesyuarat Pejabat Adun di Taman Dagang Jaya, Ampang



▲ Aliza Jaffar, isteri kepada Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Pengurusan Jenazah anjuran Surau An-Nur, Apartment Sri Puteri

# Ibu tunggal 9 anak dibantu



Shafie menyerahkan mesin jahit tepi kepada Noraya

**BANGI** - Keperitan hidup seorang ibu tunggal yang terpaksa meneruskan kehidupan menyara sembilan orang anak setelah diceraikan suaminya mendapat perhatian Adun Bangi, Shafie Ngah.

Noraya Yaacob, 52, terpaksa menggalas tugas mencari rezeki dengan mengambil upah menjahit menggunakan mesin yang dipinjamkan majikannya.

Pendapatannya tidak menutup dan bergantung pada ihsan majikan dan ada kalanya beliau tidak sempat menyiapkan tugas kerana mesin jahit tersebut berada di rumah majikannya.

Shafie Ngah bersama-sama wakil Pusat Khidmat Masyarakat Setempat

**Shafie Ngah**  
Adun Bangi

(PKMS) Putra Mahkota, berkunjung ke rumah Noraya di Pangsapuri Seri Melati, Bandar Seri Putra untuk menyerahkan mesin jahit tepi empat benang.

"Ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan agenda 'Bangi Mesra Wanita' bagi menghargai golongan tersebut dengan menyediakan peluang ekonomi, pendidikan dan memelihara kebajikan wanita."

"Untuk melaksanakan agenda ini bersama lapan agenda lain, kami menubuhkan 18 buah Pusat Khidmat Masyarakat Setempat (PKMS) bagi membantu Pejabat Adun Bangi memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien," kata Shafie.

## Pantau masalah infrastruktur

**SHAH ALAM** - Meskipun sibuk dengan rutin hariannya sebagai Exco, Dr Ahmad Yunus Hairi sempat meluangkan masa melawat DUN Dusun Tua bagi meninjau masalah prasarana yang dilaporkan di kawasannya.

Lawatan itu bertujuan mendapatkan maklumat secara adil dari pihak bertanggungjawab terhadap aduan yang dibuat.

Kehadiran Ahmad Yunus disambut Adun Dusun Tua, Razaly Hassan, Ahli Parlimen Hulu Langat, Che Rosli Che Mat, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor, Datuk Ir Hamizan Mohd Inzan, Jurutera Daerah (JD) JKR Hulu Langat, wakil JPS Daerah Hulu Langat, Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung.

Antara aduan itu adalah berkenaan kelewatan projek tebatan banjir di Sungai Sireh, masalah cerun runtuh dan jalan terputus di Sungai Lalang, masalah cerun

runtuh di Jalan Sungai Tekali dan masalah monsoon drain di Taman Seri Nanding.

Antara masalah kelewatan projek yang dikenalpasti adalah masalah pengambilan tanah oleh pihak JPS, masalah pengalihan utiliti yang lewat dan penarikan diri kontraktor.

Bagi masalah tanah runtuh di Jalan Sungai Tekali, kerja-kerja membaik pulih tanah telah siap dilaksanakan dan dalam proses penilaian sebut harga pemberian cerun.

Sementara itu, pemberian cerun runtuh di Sungai Lalang sudah dimulakan sejak 10 Jun 2013 dan dijangka siap menjelang April tahun ini.

Untuk permasalahan monsoon drain di Taman Seri Nanding pula, pihak JKR Daerah Hulu Langat telah memohon peruntukan melalui Roadcare Sdn bhd bagi melakukan kerja-kerja senggaran dan perparitan di kawasan tersebut.



Dr Yunus meninjau cerun runtuh di Sungai Lalang yang menjadi punca laluan Sungai Tekali ke Kuala Klawang terputus hubungan



Dr Daroyah dan M Manivanan, menemani peserta program membeli-belah

## 400 peserta Jom Shopping dirai

**KLANG** - Pemberian baucar Jom Shopping RM100 kepada 400 penerima di DUN Sementa memberikan mereka kelegaan untuk meraikan sambutan Tahun Baru Cina taktala ketika ini berlakunya kenaikan harga barang.

Ahli Parlimen Kapar, M Manivanan berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana dapat meringankan beban rakyat khususnya masyarakat Tionghua yang bakal meraikan sambutan Tahun Baru Cina.

Sementara itu, Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi, berkata program itu adalah kesinambungan program Jom Shopping yang sebelum ini diberikan

kepada masyarakat Melayu dan India.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Selangor Kini selepas program Jom Shopping yang diadakan di Pasaraya Econsave di sini.

Sejak mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor pada 8 Mac 2008, Kerajaan Pakatan Rakyat (perekat) memulakan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bagi mengagihkan kekayaan negeri Selangor kepada seluruh warga Selangor tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang.

**Daroyah Alwi**  
Adun Sementa

Program ini juga merupakan sebahagian dari bantuan Skim Mesra Usia Emas yang terangkum dalam program MES.

# Generasi muda perlu berani

OLEH MOHD EZLI MASHUT

**PETALING JAYA** - Generasi muda perlu berani dalam mendepani kepentingan rakyat, khususnya dalam memperjuangkan hak rakyat dalam isu kos sara hidup yang tinggi, cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan jurang ekonomi.

Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, anak muda

“

**Ibu yang diperlukan dalam negara ini, kita memerlukan semua anak-anak muda yang memberikan kekuatan kepada kita untuk terus memperjuangkan perubahan di negara ini**

**NIK NAZMI**  
Adun Seri Setia

perlu mewarisi semangat perjuangan dalam membawa perubahan nasional. Tambahnya, pandangan anak muda adalah penting untuk perubahan dalam landskap politik negara.

“Kita perlu bersatu ada keberanian untuk membuat perubahan,”

“Itu yang diperlukan dalam negara ini, kita memerlukan semua anak-anak muda yang memberikan kekuatan kepada kita untuk terus memperjuangkan perubahan di negara ini ke arah yang lebih baik,” kata Nik Nazmi yang juga Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS).

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika Dialog Anak Muda Bersama Anwar Ibrahim di Sunway Resort Hotel & Spa, baru-baru ini.

Lebih 200 orang menyertai program sehari itu.



**Lebih 200 anak muda tekun mendengar ucapan Anwar sewaktu Program Dialog Anak Muda Bersama Anwar Ibrahim**

## RM100 juta atasi kerosakan jalan raya

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor untuk mengetas kerosakan jalan raya berlubang dan berlopak yang boleh menyebabkan kemalangan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata masalah jalan raya berlubang adakalanya tidak boleh dielakkan berikutan keadaan cuaca yang tidak menuju.

Katanya, lebih RM100 juta diperuntukkan sehingga tahun 2013 untuk kerja-kerja menaik taraf jalan raya dan lebuh raya yang selamat bagi keselesaan pengguna.

“Meskipun ratusan juta ringgit diperuntukkan untuk baiki jalan raya, tetapi selepas enam bulan lubang yang ditampal akan rosak semula.

“Saya akan cuba selesaikan masalah itu,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan kempen keselamatan jalan raya di tempat letak kereta Stadium Shah Alam, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid turut menyambut baik pen-

“

**Setiap tahun sekurang-kurangnya 6,000 kemalangan maut berlaku di jalan raya dan angkanya dilaporkan semakin meningkat**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

ganjuran kempen oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Selangor kerana ia boleh membantu orang ramai supaya lebih berwaspada ketika berada di jalan raya.

Katanya, langkah itu dapat memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya supaya lebih menghargai nyawa berikutnya dengan jumlah kematian yang semakin serius sejak tahun lalu.

“Setiap tahun sekurang-kurangnya 6,000 kemalangan maut berlaku di jalan raya dan angkanya dilaporkan semakin meningkat,” katanya.

**PKNS**  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada perseorangan/syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi PENJUALAN DAN PAJAKAN SECARA TENDER TAPAK PAM MINYAK di kawasan seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KELUASAN LOT	TEMPOH PAJAKAN	HARGA REZAB (RM/SKP)	TARIKH TENDER DITUTUP
<b>TAPAK PAM MINYAK KAMPUNG BUNGA RAYA, PEKAN KUANG, DAERAH GOMBAK NO. HAKMILIK HS(D) 73688 PT. 1125</b>	<b>BERDAFTAR SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)</b>	<b>0.42 EKAR / 18,288 KPS</b>	<b>30 Tahun / 60 Tahun / 99 Tahun</b>	<b>51.00 / 72.00 / 82.00</b>	<b>20 Februari 2014 Jam 12.00 Tengahari</b>
<b>TAPAK PAM MINYAK SEKSYEN 1, KOTA PUTERI DAERAH GOMBAK NO. HAKMILIK HS(M) 12272 PT. 187</b>	<b>BERDAFTAR SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)</b>	<b>1.41 EKAR / 61,419.6 KPS</b>	<b>30 Tahun</b>	<b>87.00</b>	<b>20 Februari 2014 Jam 12.00 Tengahari</b>

1. Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM 30.00 dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (**bayaran ini tidak akan dikembalikan**). Dokumen Tawaran boleh didapat di **Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM**
2. Naskah Dokumen Tawaran boleh disemak dan diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **03 FEBRUARI 2014**.
3. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada syarikat/perseorangan yang sah sahaja. Sekiranya ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Wakil dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA DAN SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** dan satu salinan Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
4. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri berserta **wang deposit sebanyak RM 5,000.00** dalam bentuk **Draf Bank** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**BAHAGIAN PEROLEHAN  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,  
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,  
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel : 03-55201234  
<http://etender.pkns.gov.my>**

5. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling Tinggi atau sebarang tawaran lain.



Menteri Besar, bersalaman dengan penunggang motosikal sewaktu merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Tahun Baru Cina di Stadium Shah Alam

Minta laporan JAIS disegerakan

# Elak salah faham orang ramai

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri berharap laporan mengenai pemeriksaan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) ke atas Persatuan Bible Malaysia (PBM) di Petaling Jaya, awal bulan lalu dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu selepas sambutan Tahun Baru Cina.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Jais perlu menjalankan kajian dengan teliti dan cepat supaya kes yang membabitkan sensitiviti kaum ini tidak lagi disalah tafsir orang ramai.

Katanya beliau juga sedang menung-

gu jawapan bertulis daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) jika kitab yang diambil daripada PBM itu memenuhi Resolusi 10 Perkara yang ditetapkan Kerajaan Pusat.

"Kita sudah tulis surat kepada KDN, tetapi mereka tak jawab surat itu secara bertulis, sebaliknya disampaikan melalui ucapan.

"Walaupun mereka bersetuju dengan cara-cara bible digunakan, tetapi ini ter-takluk kepada negeri masing-masing.

"Saya ingin tunggu jawapan bertulis kerana bible yang ambil ini kesemuanya diimport dan dibawa masuk ke Pelabuhan Klang, yang mana Kerajaan Negeri tiada kuasa jagaan. Itu yang saya nak tanya," katanya.

Menteri Besar berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Tahun Baru Cina di tempat letak kereta Stadium Shah Alam, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid turut memaklumkan Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk meminda Enakmen Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988 seperti yang digesa pihak tertentu.

Beliau berkata, pihaknya sudah mula mengadakan perbincangan bersama ketua agama bukan Islam bagi memberi pemahaman tentang penggubalan enakmen berkenaan.

**Saya ingin tunggu jawapan bertulis kerana bible yang diambil ini kesemuanya diimport dan dibawa masuk ke Pelabuhan Klang, yang mana Kerajaan Negeri tiada kuasa jagaan. Itu yang saya nak tanya**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar Selangor



## TAWARAN PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SESI PERTAMA TAHUN 2014

Pemohon adalah dipelawa untuk memohon Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor dan Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir 'Fast Track' bagi mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan secara Sepenuh Masa bagi Sesi Pertama Tahun 2014 bermula pada **1 Februari 2014 (Sabtu)**.

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

PERKARA	KETERANGAN
KELAHIRAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PEMOHON lahir di Negeri Selangor; atau</li> <li>• IBU atau BAPA lahir di Negeri Selangor; atau</li> <li>• Pemohon telah <b>BERMASTAUTIN</b> lebih dari lima (5) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengurus JKKK/ Ketua Kampung.</li> </ul>
PERINGKAT PENGAJIAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara <b>SEPENUH MASA</b> sahaja. (<i>pengajian secara jarak jauh (PJJ)/ luar kampus (PLK) tidak layak memohon</i>);</li> </ul>
PENAJAAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon yang <b>BELUM MENERIMA SEBARANG PENAJAAN</b> dari lain-lain penaja;</li> </ul>
PENCAPAIAN AKADEMIK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon yang memperolehi <b>PENCAPAIAN AKADEMIK</b> yang baik akan diberi keutamaan;</li> </ul>
TAHUN PENGAJIAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon <b>BUKAN PELAJAR TAHUN AKHIR PENGAJIAN</b> atau diberi tempoh pelanjutan pengajian.</li> </ul>

Pemohon juga mestilah memenuhi **syarat-syarat kelayakan akademik** seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	KELAYAKAN AKADEMIK
IJAZAH PERTAMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperoleh kelayakan Sijil Tahun Asas/ Pra-Ijazah/ Matrikulasi/ Diploma dengan <b>kelulusan PNGK/ CGPA 2.50</b> ke atas; atau</li> <li>• Memperoleh sekurang-kurangnya <b>empat (4) Gred C</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>STPM</b>; atau</li> <li>• Memperoleh sekurang-kurangnya <b>lima (5) kelulusan (jayyid)</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>STAM</b>.</li> </ul>
DIPLOMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperoleh sekurang-kurangnya <b>lima (5) kepujian</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>SPM</b>; atau</li> <li>• Memperoleh kelayakan Sijil dengan <b>kelulusan PNGK/ CGPA 2.50</b> ke atas.</li> </ul>
SIJIL (IPTA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperoleh sekurang-kurangnya <b>empat (4) kepujian</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>SPM</b>.</li> </ul>
SIJIL (BIDANG KEMAHIRAN & TEKNIKAL SAHAJA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperoleh sekurang-kurangnya <b>tiga (3) kepujian</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>SPM</b>;</li> </ul>

### TAWARAN PERINGKAT PENGAJIAN

Tawaran ini adalah terbuka bagi peringkat pengajian seperti berikut:

(i) **Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor:**

Semua bidang pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta pengajian peringkat **Sijil** di Politeknik/ Kolej Komuniti (*tidak termasuk Matrikulasi/ Kursus Persediaan/ Tahun Asas/ A-Level/ ACCA/ Ijazah Lanjutan*).

(ii) **Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir 'Fast Track' Negeri Selangor:**

Bidang kemahiran dan teknikal peringkat **Sijil** di IPTS tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian dalam tempoh kurang dari satu (1) tahun sahaja.

### KADAR PINJAMAN YANG DITAWARKAN

Kadar Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang ditawarkan adalah seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	KADAR PINJAMAN (SETAHUN)
Ijazah (Perubatan)	RM7,000.00
Ijazah (Lain-lain)	RM6,500.00
Diploma	RM4,900.00
Sijil	RM4,000.00

*Nota: Kadar tajaan pinjaman ini adalah terpakai bagi pengajian di semua IPTA dan PTS tempatan*

### PROSEDUR PERMOHONAN

Permohonan adalah secara atas **talian / online** sahaja.

Sila layari laman web rasmi Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor seperti berikut bagi tujuan permohonan:

<http://tkwbsn.selangor.gov.my>

Borang Permohonan yang telah lengkap di isi hendaklah di hantar ke alamat berikut:

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran  
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

**Tel: 03-5521 2275**

- Permohonan yang berjaya sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- Pemohon yang berjaya di dalam sesi temuduga sahaja akan ditawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor.
- Panggilan sesi temuduga dan keputusan permohonan boleh disemak melalui laman web rasmi Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor <http://www.selangor.gov.my>.

**Tarikh tutup permohonan adalah pada 28 Februari 2014 (Jumaat).**

OLEH AFIX REDZUAN

**PUCHONG JAYA** - Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) ke Kampung Lembah Kinrara, berjaya melaikan situasi tegang antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemilik premis yang didapati mencemar rizab Sungai Klang.

Pada 23 Januari lepas, seramai 10 anggota dikerah ke tempat kejadian selepas wakil pemilik melakukan kekecoh semasa operasi bersepadu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Peng-airan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) terhadap perusahaan itu.

Tinjauan di sepanjang kawasan berkenaan mendapati sisa-sisa pembinaan kelihatan di tepi sungai. Jalan masuk ke premis itu juga dihalang palang besi. Operasi itu turut menemui dua tangki yang dipercayai digunakan untuk menyimpan diesel.

Pencemar sungai berdegil, kecoh

## Polis dipanggil amankan suasana tegang



Ng Zhe Han, berbincang dengan wakil Pejabat Daerah dan Tanah Petaling serta pemilik premis

“

Ini adalah operasi bersepadu antara beberapa jabatan selepas menerima laporan mengenai pembuangan sampah haram yang amat teruk. Selepas tamat tempoh sebulan, Pejabat Daerah dan Tanah akan menjalankan pemeriksaan di kawasan berkenaan

NG ZHE HAN.  
Adun Kinrara

# PKNS

## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DIJUAL	TARikh TENDER DITUTUP
<b>Tajuk Projek</b> <b>KERJA-KERJA MEMBUANG KELODAK DAN MEMBINA LALUAN PENYELENGGARAAN DI KOLAM TAKUNGAN SEKSYEN 8, KOTA DAMANSARA.</b>  <b>No. Kontrak</b> <b>PKNS/IP/KD/KON-01/2013</b>	<b>CIDB :</b> <b>Gred G4</b> <b>Kategori CE</b> <b>Pengkhususan CE 21</b>	<b>Bahagian Perolehan, Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM</b> <b>Pada :</b> <b>11 Februari 2014</b> <b>Hingga</b> <b>25 Februari 2014</b>	<b>04 Mac 2014</b> <b>Jam 12.00 Tengahari</b>

1. Taklimat bagi tender ini akan diadakan pada **11 Februari 2014 Jam 10.00 Pagi bertempat di KOLAM TAKUNGAN JALAN PEKAKA 8/15, SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA. (Koordinat GPS N 3.1834 E 101.580)**

2. Bayaran Dokumen Tender adalah **RM 400.00** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank atau Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

3. Naskah Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor** pada waktu pejabat bermula **11 Februari 2014**.

4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA** dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

5. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**  
**TINGKAT 7, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,**  
**NO. 7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**  
**No. Tel : 03-5520 1234**

6. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

<http://etender.pkns.gov.my>

Pemilik akhirnya akur dan bersetuju untuk merobohkan binaan mereka dalam tempoh sebulan, selepas berbincang dengan Penolong Pegawai Daerah dan Tanah Petaling (Penguatkuasa), Mohd Farid Shaharir, dan Adun Kinrara, Ng Zhe Han.

“Ini adalah operasi bersepadu antara beberapa jabatan selepas menerima laporan mengenai pembuangan sampah haram yang amat teruk. Selepas tamat tempoh sebulan, Pejabat Daerah dan Tanah akan menjalankan pemeriksaan di kawasan berkenaan,” kata Zhe Han.

Operasi perobohan dibuat selepas agensi-agensi terlibat mendapati pemilik telah memasuki tanah rizab sungai dan menduduki tanah berkenaan secara tidak sah, di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara.

MPSJ mengemukakan notis meruntuh dan mengosongkan bangunan kepada pemilik pada Disember tahun lepas.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebelum ini berkata Kerajaan Negeri akan memantau rizab sungai dengan lebih ketat, selepas pencemaran minyak yang serius di Sungai Gong, Ogos tahun lepas.



Tangki yang dipercayai digunakan menyimpan diesel

Pantau wabak denggi

# Kerajaan Negeri arah laporan berkala

OLEH AFEEQA AFEERA

**KLANG** - Berikutan peningkatan wabak denggi yang semakin membimbangkan di Selangor, Kerajaan Negeri mengarahkan semua Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk memantau kawasan 'hotspot' yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata hospital dan klinik juga diarahkan supaya menghantar laporan secara berkala untuk mengetahui jumlah pesakit yang diserang wabak denggi.

Langkah itu katanya bagi memudahkan Kerajaan Negeri mengambil tindakan proaktif untuk mengawal penyebaran wabak denggi daripada terus menular di kalangan masyarakat.

"Kita minta PBT terutama di Petaling Jaya, Subang Jaya, Selayang dan Klang untuk pan-


tau kawasan 'hotspot' selain mendapatkan laporan secara berkala dari klinik bagi memastikan berapa ramai pesakit yang terkena wabak denggi.

"Kita juga perlukan kerjasama daripada orang ramai supaya tidak membiarkan air bertakung di kawasan kediaman mereka," katanya selepas menghadiri program Jom Shopping peringkat DUN Pelabuhan Klang di Giant Bukit Tinggi, baru-baru ini.

Sehingga Rabu lalu, sebanyak 6,155 kes dilaporkan, iaitu meningkat 243 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Selangor mencatat kes tertinggi, iaitu sebanyak 3,168 dengan dua kematian diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya masing-masing dengan 666 kes.

Secara purata sebanyak 280 kes denggi dicatatkan setiap hari di Malaysia, di mana 145 daripadanya adalah di Selangor sahaja.



## Kayuhan Santai Shah Alam: Lahirkan warga kota sihat, cergas



Peserta melakukan regangan terlebih dahulu sebelum memulakan kayuhan

**SHAH ALAM** - Selaras dengan usaha berterusan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk melahirkan warga kota yang sihat dan cergas, seramai 50 orang terlibat dalam Program Berbasikal Kayuhan Santai Shah Alam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, berkata program ini platform MBSA merangka aktiviti basikal dengan lebih bersistematis bagi memudahkan aktiviti rekreasi dan riadah bersama keluarga.

"Aktiviti berbasikal ini akan diadakan pada setiap bulan kecuali Ramadan

"Kayuhan pertama tahun ini mendapat sambutan memberangsangkan. Seramai 300 peserta kayuhan mengambil bahagian," kata Mohd Jaafar.

Beliau berkata, MBSA juga merangka beberapa program berbasikal lain, antaranya, Earth Hour dan juga Sanctuary Ride yang akan berlangsung Mac dan Mei ini.

"Kami sasarkan sekurang-kurangnya seribu

peserta menyertai program berbasikal sempena Earth Hour tersebut," kata beliau semasa pelepasan program itu.

Dalam program kayuh-an itu peserta mula berkumpul di Dataran Kemerdekaan seawal jam 7.00 pagi dan berkayuh sejauh 25 km melalui seksyen-seksyen di sekitar bandar raya Shah Alam seperti Seksyen 14, Seksyen 9, Seksyen 16, Seksyen 18 dan Seksyen 19 .

### Berminat?

**Pendaftaran percuma dan bila-bila masa!**

Hubungi Bahagian Belia dan Sukan, Jabatan Korporat, MBSA di talian **03 - 5522 2733 / 2743** atau hubungi Encik Jaid Idham, Pegawai Belia dan Sukan, MBSA di talian **012-3706636** dan Azreen Naim, Penolong Pegawai Belia dan Sukan MBSA di talian **019-2576897**

Pendaftaran juga boleh dibuat di

[www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my)

## Capai status negeri paling bersih

**SHAH ALAM** - Program Zon Bersih Pihak Berkusa Tempatan (PBT) yang dilancarkan kerajaan Selangor adalah inisiatif awal dalam usaha menaik taraf status menjadi negeri paling bersih di Malaysia.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata untuk tahun 2013 sejumlah RM1.2 juta disalurkan kepada semua PBT bagi merealisasikan hasrat itu.

"DYMM Sultan ketika menyampaikan titah ucapan di perasmian Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada Mac 2012, antara lain ada menyentuh tentang usaha Kerajaan Negeri menganjurkan kempen hijau dan zon

bersih di seluruh pelusuk negeri ini.

"Baginda Sultan begitu teruja kerana Kerajaan Negeri mendapat kerjasama daripada syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk setempat bagi mengekalkan kawasan hijau dan bersih," katanya.

Menteri besar berkata demikian pada Malam Penghargaan dan Penganugerahan Program Zon Bersih PBT Negeri Selangor sesi 2013 di Pusat Konvensyen Shah Alam, baru-baru ini.

Program Zon Bersih dilaksanakan 26 Mei

2009, bertujuan menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri bersih, hijau dan selamat. Sehingga kini, sejumlah 48 zon dipertandingkan.

Selain kebersihan, kriteria pemilihan turut mengambil kira aspek infrastruktur, landskap, kemudahan awam serta penglibatan komuniti setempat.

Pada majlis itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya menggondol Anugerah Utama Zon Bersih 2013 dan membawa pulang trofi serta piala pusingan.

Hadir sama, Exco Negeri Datuk Teng Chang Khim, Rodziah Ismail dan Dr Daroyah Alwi.



Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan dan timbalannya, Mohtar Hani, menjulang trofi yang dimenangi

## Tarikan baru pelancongan

# Kolam Air Panas Kerling dinaik taraf



Pelajar ini gembira bila diberi peluang melepaskan benih ikan lampam di Sungai Kerling



Lee Kee Hiong, menunjukkan Kolam Air Panas Sungai Kerling yang dinaik taraf

OLEH ASRI SAPFIE

**HULU SELANGOR** - Projek naik taraf Kolam Air Panas Sungai Kerling yang selesai dilaksanakan bakal menjadikan kolam itu satu lagi lokasi menarik untuk dikunjungi pelancong dalam dan luar negara.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, berkata projek berjumlah RM40,000 itu mengangkat kualiti Kolam Air Panas Sungai Kerling menjadi lokasi ekopelancongan yang lebih cantik, lebih bersih, dan selamat.

“Jika kita lihat di negara lain seperti Jepun, mereka menjadikan kawasan air panas sebagai tempat komersial, namun kawasan air panas, khususnya Air Panas Sungai Kerling ini tetap akan dibuka kepada umum dan ia percuma.

“Saya mempelawa para peniaga untuk turut menjadikan kawasan ini sebagai tempat untuk mereka mencari rezeki,” kata beliau, selepas merasmikan Program Pelepasan Benih Ikan di Sungai Kerling, baru-baru ini.

Dalam program tersebut, kira-kira 30 ribu benih ikan lampam sungai ber-



**Tukiman Nail**

jaya dilepaskan. Acara itu turut dimeriahkan dengan kehadiran murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Kerling yang turut membantu melepaskan benih ikan itu.

Sehingga kini kira-kira 5 juta ekor benih anak ikan yang terdiri daripada spesies seperti patin, udang dan lampam sungai telah dilepaskan di 20 batang sungai sekitar Hulu Selangor.

Kee Hiong menghargai komitmen dari Jabatan Perikanan Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dalam projek kolam itu.

Sementara itu, Yang Dipertua MDHS Tukiman Nail berkata, penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan persekitaran kawasan tersebut akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Tambahnya, sekiranya Kolam Air Panas Sungai Kerling mendapat sambutan yang sangat baik, pihaknya bercadang menyediakan tapak bermiaga untuk para penjaja.

“Setakat ini kos keseluruhan penambahbaikan kawasan ini kira-kira RM84 ribu. Ini termasuklah dengan pembinaan gazebo, tandas-tandas dan juga penurapan semula jalan raya bagi memastikan keselesaan pengunjung.

“Kita juga sedang dalam proses melabarkan jalan masuk ke kawasan itu dan akan berbincang dengan para pemilik tanah bagi mendapatkan persetujuan mereka.

Sehingga kini kira-kira 5 juta ekor benih anak ikan yang terdiri daripada spesies seperti patin, udang dan lampam sungai dilepaskan di 20 batang sungai sekitar Hulu Selangor.

**“Saya mempelawa para peniaga untuk turut menjadikan kawasan ini sebagai tempat untuk mereka mencari rezeki”**

**LEE KEE HIONG**  
Adun Kuala Kubu Bharu

**PKNS**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
(Selangor State Development Corporation)

## RALAT肯YATAAN TENDER

Adalah dimaklumkan terdapat pindaan maklumat iklan yang telah disiarkan di akhbar **Berita Harian, The Star dan Selangor Kini pada 03, 09 dan 10 Januari 2014** bagi kerja-kerja berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN	No. Kontrak
<b>Tajuk Projek</b> <b>CADANGAN PEMBANGUNAN SELAYANG MUTIARA SENTRAL (NEIGHBOURHOOD MALL DAN SERVIS APARTMENT) DAN KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG BERKAITAN DI BANDAR BARU SELAYANG, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG, SELANGOR DARUL EHSAN.</b>	PKNS/IP/SLG/KON-15/2013

1. Dimaklumkan juga tarikh untuk mendapatkan dokumen dan tarikh tutup tender telah dilanjutkan seperti di bawah:

i. Tarikh mendapatkan Dokumen:  
**Bermula dari 29 Januari 2014 hingga 17 Februari 2014.**

ii. Tarikh Tutup Tender:  
**Dipinda dari 28 Januari 2014 Ke 18 Februari 2014 Jam 12.00 Tengahari.**

2. Syarat Pendaftaran di buka kepada Kontraktor Bumiputera – Berdaftar dengan: **CIDB Gred G7 Penghususan B 04 & CE 21**

Lain-lain maklumat di dalam iklan tender asal tidak berubah, sila layari laman sesawang di <http://etender.pkns.gov.my> untuk melihat Kenyataan Tender asal atau hubungi Bahagian Perolehan PKNS di talian 03-55201234 untuk keterangan lanjut.

Bahagian Perolehan  
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor,  
Tingkat 7 Menara HPAIC, Laman Seri Business Park,  
No. 7, Persiaran Sukan Seksyen 13,  
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi kami di:

**Tel : 03-5520 1234**  
<http://etender.pkns.gov.my>

OLEH SIRAJ ZAINI

**KLANG** - Dengan mengamalkan konsep 'golongan berupaya harus membantu golongan lemah', sebuah syarikat perunding perubatan, Gedung Penawar Sdn Bhd membantu usaha Kerajaan Negeri dengan mengendalikan empat Pusat Dialisis Rakyat (PDR) di Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Mohd Padzil Daros, berkata syarikatnya bertanggungjawab mengendalikan PDR di Ampang, Sementa, Taman Medan dan Lembah Keramat, sepanjang tiga tahun lalu.

Dr Padzil berkata, sehingga kini PDR di Ampang mempunyai 10 mesin dialisis (40 pesakit), Sementa terdapat lapan mesin (32 pesakit), Taman Medan lapan mesin (24 pesakit) serta Lembah Keramat, lapan mesin (21 pesakit).

Katanya, semua pesakit yang menerima rawatan di PDR adalah percuma dan wujud beberapa perancangan pada masa hadapan bersama Kerajaan Negeri untuk menambah baik perkhidmatannya.

"Saya percaya perkhidmatan yang disediakan ini mampu ditingkatkan lagi dengan sokongan Kerajaan Negeri yang mengamalkan konsep negeri berkebajikan.

"Dengan cara ini lebih ramai pesakit dapat dibantu kerana kos bagi penyakit buah pinggang, tinggi," katanya, ketika menerima lawatan Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi di PDR Sementa, baru-baru ini.

Gedung Penawar Sdn Bhd adalah syarikat yang berpengalaman dalam bidang perunding perubatan serta

## Pusat Dialisis Rakyat

# Bantu rakyat kurang mampu



Dr Daroyah, bertanya khabar pada salah seorang pesakit yang sedang menerima rawatan

mempunyai pusat rawatan hemodialisis seluruh negara.

Sementara itu, Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri berhasrat memperbanyakkan PDR di seluruh Selangor pada masa akan datang.

"Kita bercadang untuk wujudkan PDR di kawasan lain kerana empat PDR sedia ada hanya berada di kawasan Lembah Klang," katanya.



Pesakit buah pinggang sedang mendapatkan rawatan dialisis

## WAKTU SOLAT SELANGOR

31 JANUARI - 7 FEBRUARI 2014

29 RABIULAWAL - 7 RABIULAKHIR 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak
31 Jumaat	5:59	6:09	7:29	1:29	4:51	7:27	8:39
01 Sabtu	5:59	6:09	7:29	1:30	4:51	7:27	8:39
02 Ahad	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:39
03 Isnin	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:39
04 Selasa	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:40
05 Rabu	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:40
06 Khamis	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:40
07 Jumaat	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:40

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak
31 Jumaat	6:01	6:11	7:31	1:31	4:53	7:29	8:41
01 Sabtu	6:01	6:11	7:31	1:32	4:53	7:29	8:41
02 Ahad	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:41
03 Isnin	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:41
04 Selasa	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:41
05 Rabu	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:42
06 Khamis	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:42
07 Jumaat	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:42



# PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

## RALAT KENYATAAN TENDER

Adalah dimaklumkan terdapat pindaan maklumat iklan yang telah disiarkan di akhbar Berita Harian, The Star Dan Selangor Kini pada 30 Disember 2013 Dan 03 Januari 2014 bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	No. Kontrak
Tajuk Projek <b>MEREKABENTUK MEMBINA DAN MENYIAPKAN 198 UNIT RUMAH MAMPU MILIK TERES JENIS TOWN HOUSE 2 TINGKAT DAN SEBUAH PENCAWANG ELEKTERIK 2 RUANG BERSERTA KEMUDAHAN AWAM DI ATAS SEBAHAGIAN LOT PT 185, SEKSYEN 5, KOTA PUTERI, BANDAR BATU ARANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN</b>	PKNS/IP/KP/KON-18/2013

- Dimaklumkan juga tarikh untuk mendapatkan dokumen dan tarikh tutup tender telah dilanjutkan seperti di bawah :
- Tarikh mendapatkan Dokumen : Bermula dari **29 Januari 2014 hingga 14 Februari 2014**.
- Tarikh Tutup Tender : Dipindah dari 19 Februari 2014 Ke **06 Mac 2014 Jam 12.00 Tengahari**
- Syarat Pendaftaran di buka kepada Kontraktor Bumiputera – **Berdaftar dengan : CIDB Gred G7 Pengkhususan B 04 & CE 21**

Lain-lain maklumat di dalam iklan tender asal tidak berubah, sila layari laman sesawang di <http://etender.pkns.gov.my> untuk melihat Kenyataan Tender asal atau hubungi Bahagian Perolehan PKNS di talian 03 - 5520 1234 untuk keterangan lanjut.



**MASALAH SAMPAH?**  
Hubungi Talian Bebas Tol  
**1-800-88-2824**

Projek tingkat bekalan air bersih

## Kerajaan Negeri bersedia laksana HORAS

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan projek Hybrid Off River Augmentation System (Horas) yang dijangka mampu membekalkan air bersih antara 600 hingga 700 juta liter sehari.

Menyatakan bahawa kerajaan bersedia dengan syarat-syarat tertentu sekiranya Langat 2 ingin diteruskan, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Horas adalah jaminan bekalan air berterusan sementara menunggu Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA), dan menyusun semula industri perkhidmatan air Selangor.

"Kita sudah bersedia dengan perkembangan selanjutnya dan dalam masa sama bersedia dengan syarat-syarat tertentu sekiranya Langat 2 ingin diteruskan," kata Abdul Khalid, di hadapan wakil rakyat dan parti komponen dalam satu sesi taklimat khas yang diadakan di bangunan Annex di SUK, baru-baru ini.

Kerajaan Negeri sebelum ini membuat tawaran kepada empat syarikat konsesi, Syabas, Abbas, Splash dan Puncak Niaga sebanyak RM 9.65 bilion bagi mengambil semula pengurusan air di Selangor.



Kerajaan Negeri sudah bersedia walau apapun bentuk syarat-syarat yang akan dikenakan oleh Kerajaan Pusat

Bagaimanapun, jumlah tawaran itu tidak dipersetujui syarikat-syarikat konsesi yang menuntut bayaran sebanyak RM13 bilion.

"Kerajaan Negeri memerlukan RM 1.5 bilion setahun untuk pembiayaan pemberian air percuma.

"Bermakna kalau kita ikut kehendak mereka, kita tidak boleh melaksanakan program air percuma selama enam hingga tujuh tahun.

"Ini kerugian kepada rakyat, maka kita tidak akan ikut kehendak mereka," jelas Abdul Khalid.

Di akhir sesi taklimat, beliau turut menyatakan hasrat untuk mewujudkan pusat panggilan khusus bagi memberi peluang kepada rakyat bertanyakan sebarang soalan berhubung pelan penstuktur semula industri air di Selangor.



Ikhlas daripada  
YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim  
Dato' Menteri Besar Selangor

**Selamat Menyambut Tahun Baru Cina**  
**Gong Xi Fa Cai**  
**Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Negeri Selangor**

- **Giant Hypermarket, Bukit Tinggi, Klang**
- **9 Februari 2014 (Ahad) 10.00 Pagi - 2.00 Petang**

